

Umno mahu 'daulatkan' orang Melayu

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin —

Seseorang yang ingin menyertai UMNO harus didorong oleh keinsafan bahawa parti itu berjuang untuk 'mempertuankan' orang Melayu di tanahair mereka sendiri.

Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Hussin Ahmad, menegaskan, penajahan yang silih berganti yang dialami oleh negara sebelum merdeka mesti menyedarkan orang Melayu tentang perlunya 'mendaulatkan' diri mereka.

Katanya, orang Melayu tidak harus mengabaikan tanggungjawab politik.

Datuk Hussin berucap di majlis dialog dengan kira-kira 150

orang pemimpin dan ahli 16 buah Cawangan UMNO Bahagian Kepong di Ibu Pejabat UMNO di sini, hari ini.

Bellau memuji usaha bahagian itu mengadakan pertemuan tersebut kerana katanya, pihaknya juga sedang mengaturkan penerangan terutamanya tentang mesej ucapan-ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di perasmian Persidangan Perwakilan Agung UMNO dan di Bangsa-Bangsa Bersatu, baru-baru ini.

Turut akan ditekankan dalam penerangan itu ialah ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam di Persidangan Perwakilan Pemuda dan Wanita MCA.

Soal-soal lain ialah

mengenal kedudukan ekonomi negara dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset sekarang, dasar *pandang ke timur* dan pentingnya ahli UMNO mengembalikkan semangat perjuangan tulen.

Mengenai konsep *pandang ke timur*, bellau berkata, ia juga boleh dimengertikan sebagai memandang diri sendiri sejajar dengan kehendak islam 'mengenal diri sendiri sebelum mengenal Tuhan'.

Datuk Hussin juga menarik perhatian tentang kecelaikan yang menimpa kaum Champa di Kampuchea dan Palestin di Asia Barat yang menurutnya ditimpa malapetaka kerana mengabaikan tanggungjawab politik.

Bernama.